

Koleksi Mikroform di Perpustakaan Universiti Malaya: Satu Tinjauan

oleh
Azizah Mohammad Nor*

Abstract: *Microform is a generic term for all types of micro photographic reproduction which can be either transparent or opaque or in the form of reels and sheets. Due to its micro size, it can only be viewed by using a microform reader which can bring back its reduced size to the normal size. The microform collection of the UM library arose out of the need to preserve certain library materials such as manuscripts, special collections, theses and academic exercises, papers presented at local conferences and library files etc. in a compact, lightweight and relatively permanent record. This article discusses briefly the history and functions of the micrographic unit, microform formats, equipment and micrographic services provided in the library.*

Pengenalan

Mikroform telah memainkan peranan yang penting sebagai media komunikasi dan alat menyimpan maklumat. Sejak Eugene Power menuahkan University Microfilms pada tahun 1938, dunia mikro penerbitan telah melalui sejarah yang cemerlang. Ini adalah kerana perpustakaan-perpustakaan serta firma-firma telah mengakui dan menerima hakikat bahawa mikroform adalah sangat penting untuk menyelesaikan masalah tentang pemeliharaan, penjimatan ruang simpan, kecepatan mendapat kembali (retrieval speed) dan lain-lain.

Penyetujuan dan keputusan untuk mengadakan koleksi mikroform di Perpustakaan Universiti Malaya adalah kerana dua sebab yang besar dan mendesak, iaitu:—

1) Masalah ruang simpan

Stok Perpustakaan telah bertambah dengan pesatnya sehingga ia hanya mengalami kesulitan untuk menampung penambahan tersebut. Misalnya, stok perpustakaan yang telah diaksesikan pada 30hb. April 1983 telah meningkat pada 819,846 (termasuk 54,851 koleksi Asia Tenggara, 97,812 naskah di Perpustakaan Perubatan dan 55,992 naskah di Perpustakaan Undang-Undang). Hal yang demikian telah mengakibatkan masalah kekurangan ruang simpan yang meruncingkan di Perpustakaan ini. Oleh yang demikian, salah satu cara untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan mengada-

kan koleksi mikroform. Keistimewaan menggunakan mikrofilem ialah ia hanya menggunakan 2½% daripada jumlah ruang yang digunakan oleh dokumen asal.

2) Masalah pemeliharaan

Sebagaimana yang telah dimaklumkan bahawa kertas tidak mempunyai ketahanan yang kuat. Ia akan menjadi rapuh dan kekuningan disebabkan tindakan biologikal, kimia, keadaan sekeliling dan lain-lain. Untuk menyelamatkan bahan-bahan ber cetak, terutamanya manuskrip, proses 'lamination' dan 'deacidification' terpaksa dijalankan. Selain daripada itu pemeliharaan juga dapat dilaksanakan dengan memikroformkan bahan-bahan penting yang dikira perlu untuk rujukan masa depan.

Sebelum diteruskan tinjauan ini, adalah lebih baik jika saya memberi definisi mikroform terlebih dahulu.

Mikroform

Mikroform adalah istilah umum segala reproduksi fotografi mikro, iaitu foto yang telah diperkecilkan saiznya beberapa kali tidak kira samada ia ialah lutsinar (transparent) atau legap (opaque) ataupun dalam bentuk gulungan atau kepingan.

*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Sirkulasi.

Perpustakaan Universiti Malaya mempunyai beberapa bentuk mikroform seperti mikrofilem, mikrofis dan mikrokad.

1) Mikrofilem

Mikrofilem merupakan rangkaian mukasurat yang telah difotokan serta diperkecilkan saiznya di atas filem lutsinar jalur panjang. Ianya dikaitkan dengan filem di gulungan yang boleh didapati dalam beberapa lebar seperti 16 mm (0.6 inci), 35 mm (1.3 inci) dan 70 mm (2.6 mm) dan pada kebiasaan berukuran 35 m (100 kaki). Walaupun kebanyakannya bahan-bahan yang dimikrofilemkan ditawarkan dalam ukuran 16 mm lebar, namun filem 35 mm lebar merupakan ukuran yang lebih banyak diperolehi oleh perpustakaan-perpustakaan sepertimana yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya ini.

2) Mikrofis

Mikrofis ialah lutsinar mikro yang sama seperti mikrofilem kecuali mukasuratnya berbentuk deretan atau baris di atas filem yang berukuran kad. Ianya disediakan di atas kad yang didapati dalam berbagai ukuran. Sesungguhnya saiz mikrofis telah distandardisasikan di peringkat antarabangsa, iaitu berukuran 105 mm x 148 mm (4 inci x 6 inci) dengan mempunyai rangka luarnya (7 baris dan mengandungi 14 bidang (frame) untuk setiap baris). Ini bermakna setiap mikrofis yang berukuran 105 mm x 148 mm mempunyai 98 bidang. Walau bagaimanapun terdapat juga mikrofis yang mempunyai 35, 48 ataupun 60 bidang terpulang kepada nisbah (ratio) pengurangan yang telah dibuat. Sebahagian besar mikrofis yang terdapat di Perpustakaan ini mempunyai sejumlah 60 bidang dan berukuran (105 mm x 148 mm), kecuali beberapa keping mikrofis yang diperolehi dari Madras sahaja berukuran 105 mm x 127 mm (4 inci x 5 inci). Yang dimaksudkan satu bidang ialah satu 'exposure' iaitu satu mukasurat daripada buku asal atau dokumen lain dan kadang-kadang dua mukasurat difilemkan untuk satu bidang. Imej yang terdapat pada mikrofis telah diperkurangkan kepada darjah yang lebih kecil dari imej mikrofilem.

3) Mikrokad

Mikrokad merupakan imej mikro yang telah dicetak secara fotografi di atas bahan yang sensitif kepada foto. Mikrokad merupakan mikrofoto legap berukuran 76 mm x 127 mm (3 inci x 5 inci).

Alat membaca mikroform

Sepertimana yang telah diterangkan terlebih awal tadi bahawa mikroform sukar dibaca tanpa pembesar-an. Oleh yang demikian ianya memerlukan alat membaca mikroform. Alat membaca mikroform merupakan peralatan yang menggunakan kanta atau lensa yang membawa imej filem yang telah diperkecilkan kepada saiz biasa.

Perpustakaan Universiti Malaya telah menyediakan tujuh buah alat membaca mikrofis, enam buah alat membaca mikrofilem dan dua buah alat membaca mikrokad. Alat-alat tersebut terdapat di bilik-bilik mikroform yang terletak di tingkat bawah Perpustakaan Besar, Universiti Malaya.

Koleksi dan pengendalian mikroform di Perpustakaan Universiti Malaya

Koleksi mikroform di Perpustakaan Malaya telah dimulakan seawal-awalnya pada tahun 1959. Pada masa itu, usaha gigih dijalankan untuk mendapatkan manuskrip Melayu dalam bahasa Melayu di mikroform dengan mengesan di merata tempat di dunia seperti di negeri Jerman, England dan lain-lain tempat. Di akhir tahun 1959, Perpustakaan telah memperolehi sejumlah 646 gulung mikrofilem, beberapa ratus mikrofis dan sebuah majalah di mikrokad.

Penghasilan sendiri mikroform oleh Perpustakaan Universiti Malaya bermula setelah tertubuhnya Unit Mikroform pada tahun 1965 dan ianya sedang berkembang dengan pesatnya dari masa ke semasa. Penghasilan mikroform boleh dibahagikan kepada dua kategori asas iaitu mikroform 'hard copy' (dokumen) dan mikroform pengeluaran komputer (COM). Penghasilan mikroform di Perpustakaan Universiti Malaya ini adalah secara 'hard copy' (dokumen).

Unit mikroform adalah sebuah unit di bawah pentadbiran Bahagian Sirkulasi, Perpustakaan University Malaya. Kerja-kerja penghasilan mikroform dan tugas membuat salinan mikroform telah bertambah dengan pesatnya. Unit mikroform, setakat ini berfungsi untuk memikrofilemkan surat-surat khabar seperti New Straits Times, Utusan Melayu, Utusan Malaysia dan Sunday Times; fail-fail siswazah Universiti Malaya (UM); fail-fail Perpustakaan; majalah-majalah; kertas jawapan peperiksaan dan lain-lain bahan.

Unit ini juga memikrofiskan bahan-bahan perpustakaan seperti tesis M.A., Ph.D dan setiap latihan

ilmiah, kertas projek, kertas-kertas seminar dan persidangan, koleksi-koleksi khas seperti koleksi Za'aba, koleksi sastera peranakan dan juga manuskrip-manuskrip.

Sehingga Januari 1984 Perpustakaan Universiti Malaya mempunyai sejumlah 10,418 gulung mikrofilem, 8,466 tajuk mikrofis dan 241 tajuk mikrokad.

Bahan-bahan tersebut, selain dari dihasilkan oleh Unit ini juga diperolehi dari luar negeri seperti dari Library of Congress, Universiti of Auckland (New Zealand), Mass. Institute of Technology, National University of Singapore, dan lain-lain tempat. Perolehan mikroform dari luar negeri itu dilakukan oleh Bahagian Perolehan, Perpustakaan UM.

Sebahagian besar pesanan mikroform yang dibuat merupakan bahan-bahan tesis dan bahan-bahan habis cetak (out of print). Selain daripada cara langganan, Perpustakaan UM juga memperolehi mikroform secara pertukaran misalnya dengan Universiti Sains Malaysia (USM). Walau bagaimanapun bukan semua mikroform yang didapati dari USM itu adalah secara pertukaran sahaja.

Salinan mikroform

Selain daripada melaksanakan tugas-tugas yang telah disebutkan tadi, unit ini juga bertanggung-jawab membuat salinan mikroform jika permintaan diterima. Salinan mikroform dapat dibuat dengan memohon kepada Pejabat Sirkulasi.

Walaupun demikian, permintaan untuk mendapatkan salinan tersebut tertakluk kepada jenis bahan yang dipinta. Permintaan untuk mendapatkan salinan akhbar atau majalah adalah dibenarkan. Di sebaliknya, tesis dan manuskrip yang diperolehi dari luar negeri tidak dibenarkan untuk dibuat salinan.

Salinan mikroform tersebut dibuat dengan menggunakan sejenis alat disebut 'microform reader/printer'. Alat ini merupakan sebuah mesin yang menyatakan fungsi sebagai alat untuk membaca mikroform dan mencetak imej mikro yang telah dibesarkan tadi di atas kertas berbagai ukuran seperti 11 inci x 8½ inci, 11 inci x 10 inci dan lain-lain ukuran.

Pesanandan daripada luar negeri

Unit tersebut bukan hanya menghasilkan mikroform untuk kegunaan Perpustakaan UM sahaja,

tetapi ia juga terpaksa melayani pesanan dari luar untuk mendapatkan akhbar tempatan dalam bentuk mikroform. Permintaan yang lazim diterima adalah dari seluruh dunia mithalannya dari negeri-negeri Amerika, Australia dan England.

Pinjaman

Penyimpanan dan penjagaan mikroform adalah dibawah pengawasan Bahagian Sirkulasi. Bahan-bahan tersebut disimpan dalam keadaan suhu terkawal di dalam kabinet khas yang terletak di bilik mikroform dan ianya disusun mengikut nombor yang telah diberikan oleh Bahagian Katalog.

Oleh yang demikian permohonan untuk meminjam mikroform dan kunci bilik mestilah dibuat kepada Bahagian Sirkulasi. Waktu meminjam mikroform dan kunci bilik ialah daripada pukul 8.00 pagi hingga 10.30 malam. Bagi pengguna yang ingin keluar dari Perpustakaan sebelum Perpustakaan ditutup, dikehendaki menyerahkan kunci dan mikroform yang dipinjam kepada salah seorang kakitangan yang bertugas di Pejabat Sirkulasi. Dengan cara ini pengguna-pengguna lain boleh mendapat peluang untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Penutup

Koleksi mikroform bertambah dari masa ke semasa, begitu juga dengan penggunaannya, kecuali mikrokad yang hanya digunakan beberapa kali sahaja sejak ianya dijadikan bahan koleksi. Adalah diharapkan agar di masa-masa hadapan Perpustakaan UM dapat mengadakan bilik bacaan yang lebih luas supaya dapat memuatkan lebih banyak alat membaca untuk kegunaan pengguna-pengguna.

Masalah yang dialami dalam perkhidmatan pinjaman mikroform adalah bersabit dengan kecuaian pengguna-pengguna untuk menggunakan alat-alat membaca dengan betul dan mengikut peraturan. Hal ini telah mengakibatkan kerosakan kepada alat-alat membaca. Selain daripada itu berlaku juga hal di mana pengguna tidak memulangkan kunci selepas digunakan, dan oleh itu ianya menyekat peluang bagi pengguna-pengguna lain untuk menggunakan kemudahan tersebut. Oleh yang demikian, untuk melicinkan perkhidmatan ini pihak kami berharap agar semua pengguna dapat memberikan kerjasama yang menggalakkan.